

13/09/2003

MDC jadi pusat sehenti sektor ICT

KERAJAAN akan memperluaskan peranan Multimedia Development Corporation (MDC) untuk berfungsi sebagai sebuah agensi sehenti untuk sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sama seperti peranan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) bagi sektor perindustrian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia berikutan kejayaan MDC dalam membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sudah menarik banyak syarikat tempatan dan asing melabur dalam bidang ICT.

"Agensi sehenti itu (MDC) akan bertanggungjawab untuk membimbing tangan pelabur bagi mendapatkan kelulusan daripada pelbagai pihak supaya projek mereka dapat dilaksanakan segera.

"Kita yakin MDC akan dapat melaksanakan peranan barunya dengan berkesan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata, sebelum ini MDC sudah berjaya menarik serta mendorong syarikat untuk menyediakan kemudahan perkongsian perkhidmatan bersama, terutamanya bagi perkhidmatan sokongan teknologi maklumat (IT) untuk operasi global seperti pusat maklumat dan pusat pemprosesan data.

HSBC dan Standard Chartered Bank yang adalah antara institusi perbankan dan kewangan terkemuka dunia, sudah menubuhkan pejabat memproses data elektronik yang akan memberi perkhidmatan pemerosesan sokongan dan pusat panggilan pelanggan kepada kumpulan mereka di seluruh dunia.

Terkini ialah penubuhan ibu pejabat syarikat Ericsson.

Shell yang juga salah sebuah syarikat petroleum terbesar dunia, dan DHL sudah mewujudkan perkhidmatan yang sama di MSC.

Aktiviti itu juga sudah menambahkan peluang pekerjaan profesional berkelayakan tinggi kepada rakyat Malaysia.

Dr Mahathir turut mengumumkan penurunan caj bagi laluan internet.

Beliau berkata langkah itu dibuat kerana penggunaan IT kini sudah menjadi sebahagian daripada keperluan perniagaan termasuk generasi muda yang cenderung dan berminat melayari internet bagi menimba ilmu dan mendapatkan maklumat semasa.

Katanya, ia juga bertujuan menggalakkan aktiviti e-perdagangan melalui capaian lebih meluas dan murah dengan penggunaan jalur lebar internet.

"Telekom Malaysia Bhd akan memberikan diskaun 50 peratus bagi pakej perusahaan dan korporat, bermula dengan 30 peratus pada peringkat pertama dan 20 peratus lagi pada peringkat kedua.

"Manakala bagi pengguna yang lain, pengurangan 30 peratus diberikan kepada caj internet jalur lebar pelanggan," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan perkhidmatan internet yang lebih meluas dan cekap, dua pengendali perkhidmatan itu, iaitu JARING dan TMNet Sdn Bhd akan digabungkan.

Perdana Menteri juga berkata, oleh kerana Cyberjaya akan dijadikan sebagai pusat perkhidmatan terpilih, capaian dan kualiti perkhidmatan jalur lebar akan dipertingkatkan sementara kos perkhidmatan akan dikurangkan pada paras yang lebih kompetitif berbanding negara lain.